

## **HARI RAYA PENAMPAKAN TUHAN - EPIFANI (A, B, C)**

Yesaya 60:1-6; Mazmur 71 (72):1-2. 7-8. 10-13. R/ v. 11; Efesus 3:2-3. 5-6  
Matius 2:1-12.

### **Tema: EPIFANI: PENAMPAKAN TUHAN KEPADA SEMUA BANGSA-BANGSA**

1. Berkat Krismas dan selamat Tahun Baru kepada kamu semua! Kita masih lagi dalam musim Krismas! Musim Krismas berakhir hanya pada minggu depan dengan pesta Pembatisan Tuhan! Hari ini kita rayakan penghormatan kepada Penampakan (epifani) Tuhan, iaitu, penampakan Tuhan kepada semua bangsa-bangsa! Injil hari ini memberitahu kita bahwa beberapa orang Majus dari Timur datang menyembah Yesus. Orang-orang Majus ini mewakili bangsa-bangsa dunia. Itulah sebabnya mengapa dalam palungan Krismas kita mereka diwarnakan berlainan warna. Orang-orang bijaksana ini membawa bersama mereka hadiah emas, kemenyan dan mur untuk Bayi Yesus!

Bapa-bapa Gereja, seperti Irenaeus (ca 130-200), melihat hadiah-hadiah itu sebagai simbol martabat raja(emas), keilahian (kemenyan) dan kesengsaraan (mur) Yesus. Iaitu, emas simbolkan Yesus sebagai raja, kemenyan yang digunakan untuk penyembahan adalah simbol Yesus sebagai Allah, dan mur yang digunakan untuk pengawitan dan penguburan simbol kesengsaraan Yesus sebagai Penderitaan-Mesias! Bahkan Bintang Betlehem yang membawa orang-orang Majus itu kepada Yesus adalah simbol Yesus sebagai Raja, Allah dan Mesias! Dengan itu kita baca dalam wahyu seorang nabi pagan Balaam: "*Bintang sedang muncul dari Yakubus*"! (Nb 24:17; NJBf)

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita bahwa semua bangsa-bangsa dunia akan datang dan menyembah sujud Tuhan dan mereka akan membawa bersama mereka kekayaan dunia, termasuk emas dan kemenyan! Bahkan juga orang Yahudi dalam pembuangan akan kembali ke Yerusalem!

Ini adalah disebabkan kemuliaan Tuhan akan bangkit di atas Yerusalem dan semua bangsa-bangsa akan datang kepada kemuliaan terangNya! Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

***"Terang Tuhan terbit atasmu, bangsa-bangsa berduyun-duyun datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu. (Yes 60:2b-3; SM)***

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Dengan itu sahutan nya:

***"Semua bangsa di dunia bersujud menyembah Tuhan." (Mzm 71 (72): 11; SM)***

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama, kedua dan keempat memberitahu kita bahawa Raja Mesias akan membawa keadilan dan damai, terutama kepada yang miskin! Damai, Shalom, Penyelamatan!

Rangkap ketiga memberitahu kita bahwa semua bangsa-bangsa di dunia akan sujud menyembah Dia! Justru itu rangkap ketiga yang mana sahutan diambil:

***"Kiranya raja-raja dari Tarsis dan pulau-pulau membawa persembahan-persembahan. Kiranya raja-raja dari Syeba dan Seba menyampaikan upeti, dan segala bangsa menjadi hambanya." (Mzm 71 (72): 10-11; SM)***

4. Bacaan kedua juga menuruti tema Epifani, iaitu, penampakan atau penglihatan. Bacaan kedua memberitahu kita bahwa misteri yang telah berselindung pada masa lalu sekarang ini ditunjukkan! Dan penglihatan ini adalah bahwa yang pagan adalah waris bersama, ahli bersama dan kongsi bersama dengan orang Yahudi (IBC), iaitu,

***“Bahwa orang-orang bukan Yahudi, karena Berita Injil, turut menjadi ahli waris dan anggota tubuh serta peserta dalam janji yang diberikan dengan perantaraan Kristus.” (Ef 3:6; SM)***

5. Di dalam Tahun Iman ini, marilah kita membaharui iman kita, berkongsi iman kita dan mewartakan iman kita kepada seluruh dunia! Marilah kita menggunakan Alkitab, Bacaan Misa Kudus Mingguan dan Katekismus Gereja Katolik (KGK) untuk membaharui iman kita, dalam sekolah kita, di tempat kerja kita, dan di Internet! Sukacita dan kegembiraan Epifani kepada kamu semua!

Amen!

**Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:**

1. Apa ertinya "Epifani"? Apakah "Misteri" yang telah di dedahkan dalam Bacaan Kedua?
2. Adakah kamu mewartakan Kabar Gembira di dalam keluarga kamu, di dalam komuniti kamu, di dalam Gereja kamu, di dalam sekolah kamu, di tempat kerja kamu dan di dalam Internet?
3. Apakah yang dimaksudkan dari petikan St Francis dari Asisi ini kepada kamu: **“Ajarlah Injil selalu, dan apabila perlu gunakan perkataan. (Preach the Gospel always, and when necessary, use words)”**?  
(Petikan untuk Disember 28, 2012, Zenit, Internet.)
4. Dalam Tahun Iman ini (11.10.2012 – 24.11.2013), adakah kamu menggunakan Katekismus Gereja Katolik (KGK) untuk membaharui, berkongsi dan mewartakan iman kamu?
5. Apakah yang dikatakan kepada kamu dalam petikan ini; ***“karena aku tahu kepada siapa aku percaya dan aku yakin”***? (2 Tim 1:12; CSB; HCSB) Apakah kamu mengenal Dia yang mana kamu telah percaya kepadaNya?
6. Bilakah bermulanya dan berakhirnya musim Krismas?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Catholic Study Bible (CSB); HarperCollins Study Bible (HCSB); Sunday Missal (SM).**